



UCAPAN PERASMIAN

**YB DATUK SERI HAJI MOHAMAD BIN SABU
MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)**

**SEMPENA
FORUM EKSEKUTIF MERDEKA
TADBIR URUS TERBAIK DALAM SEKTOR AWAM**

**DI DEWAN TAN SRI ABU ZAHAR
LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)**

17 OGOS 2023 / 30 MUHARAM 1445H

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalaamualaikum Warahmatullaahi Wabarakatuh.

SALUTASI

Yang Dihormati Saudara Pengacara Majlis

- 1) Yang Berbahagia Datuk Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)**
- 2) Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Setia Haji Ambrin bin Buang, Pengurus GAMUDA Berhad**
- 3) Yang Berbahagia Tan Sri Abu Kassim Mohamed, Pengurus Lembaga Penasihat, Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (NFCC)**
- 4) Yang Berbahagia Datuk Azah Hanim Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KPKM**
- 5) Setiausaha Kanan Bahagian, Setiausaha-Setiausaha Bahagian, Ketua-Ketua Pengarah Jabatan dan Agensi**
- 6) Tuan-Tuan dan Puan-Puan para hadirin sekalian**

MUKADIMAH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ

1. Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya dapat kita mengadakan program lafaz Ikrar Bebas Rasuah sempena Forum Eksekutif Merdeka, yang bertemakan Tadbir Urus Terbaik dalam Sektor Awam pada hari ini.
2. Saya difahamkan pagi ini, forum eksekutif ini diberi sambutan oleh tokoh-tokoh besar dalam perkhidmatan awam, antaranya Yang Berbahagia Tan Sri Ambrin Buang, mantan Ketua Audit Negara dan Yang Berbahagia Tan Sri Abu Kassim Mohamed, mantan Ketua Pesuruhjaya SPRM.
3. Bercakap soal tadbir urus, suka saya memetik satu amanat Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj dalam Rancangan Malaysia Pertama 1965:

Kunci kepada kemajuan dan kesejahteraan tidak terletak pada kepuasan menikmati apa yang telah dicapai. Tetapi pada keazaman utuh untuk melakukan yang lebih daripada itu, pada masa hadapan.

4. Apa yang dapat kita fahami daripada ucapan Perdana Menteri pertama ini ialah pentingnya kita bersedia menerima perubahan dengan

menggandakan upaya memacu rakyat dalam negara ini demi Malaysia yang lebih maju dan makmur.

5. Hasrat inilah yang diterjemahkan melalui enam (6) Nilai Teras Malaysia MADANI yang digarap ideanya oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim; iaitu berteraskan kepada usaha kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan.
6. Tadbir urus MADANI diperlukan supaya lonjakan ke masa hadapan menjadi lebih pantas dan seiring zaman serta tidak sekadar mengekalkan status-quo yang lapuk. Inilah yang mesti menjadi pemangkin untuk kita ambil kira dalam merancang tindakan tadbir urus yang padu.

Hadirin hadirat sekalian,

7. Dalam majlis amanat pertama saya pada Januari tahun ini, saya ada menyebut mengenai Kemampanan Sektor Agromakanan Negara Teras Mengemudi Cabaran Krisis Global. Melalui tema ini, saya berhasrat mengangkat peranan Kementerian ini sebagai penjamin bekalan makanan negara supaya sentiasa mencukupi dan tersedia buat semua rakyat Malaysia, melalui empat (4) dimensi keterjaminan makanan iaitu ketersediaan, akses, penggunaan serta kestabilan dan kemampanan.
8. Dalam menjayakan agenda keterjaminan makanan negara ini, pastilah ia memerlukan kepada usaha dan sinergi yang tidak sedikit daripada

seluruh agensi di bawah Kementerian ini. Dalam melaksanakan inisiatif perdana ini, kita tidak boleh lari daripada membudayakan integriti tinggi, amanah dan cekap bagi menghasilkan kerja yang berkualiti tinggi.

9. Untuk itu, inilah tujuan hari ini KPKM menghimpunkan semua pihak pengurusan utama Kementerian dan agensi, bagi membicarakan isu dan cabaran yang dihadapi dalam mengekalkan tadbir urus yang baik dalam sektor awam.
10. Melalui aspirasi keterjaminan makanan, seluruh warga kerja Kementerian ini wajar mengambil prinsip amanah sebagai paksi utama dalam memenuhi tanggungjawab dengan tadbir urus yang baik terutama yang berkaitan dengan tugas besar Kementerian ini terhadap rakyat dan negara.

Hadirin hadirat sekalian,

11. Manusia ini, menurut satu kajian daripada Universiti Birmingham dan Durham disifatkan sebagai makhluk peniru. Secara fitrahnya, perilaku meniru ini diperlukan dalam mewariskan kebudayaan, ritual sosial dan amalan keagamaan serta peraturan yang disebut sebagai konvensi. Dalam bahasa semasa, kita menyebut aspek ini sebagai kepimpinan melalui teladan. Ia boleh dijadikan indikator pendekatan secara *bottom-up* dan *top-down* yang dilaksanakan oleh Kerajaan secara strategik.
12. Maka, dalam mewariskan tadbir urus terbaik dan mencipta tatakelola MADANI yang selari dengan citra Malaysia, kita berbesar hari

mendapatkan lontaran idea dan sisi pandang daripada dua orang panel yang merupakan ‘orang besar’ dalam sektor awam yang ada ‘isi’ selama mereka dalam perkhidmatan awam.

13. Isi inilah yang mahu kita ‘tiru’ dalam sesi perkongsian input dengan matlamat mahu diimplementasikan pula dalam organisasi masing-masing. Kehadiran tokoh-tokoh ini adalah bimbingan untuk menuntun kita yang masih dalam perkhidmatan awam.

Hadirin sekalian,

14. Saya ingin memetik nasihat dari Saidina Ali yang boleh kita sama-sama jadikan panduan:

“Janganlah melakukan perbuatan yang salah terus-terusan atau lalai membetulkan perkara yang salah. Buatlah sesuatu itu tepat pada masanya dan kena pada tempatnya.”

15. Saya amat berharap semua pihak dapat memanfaatkan sesi Forum Eksekutif Merdeka yang dianjurkan hari ini, guna memajukan lagi tadbir urus pada peringkat pengurusan masing-masing. Saya berdoa ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala agar usaha murni semua pihak untuk memacu kecemerlangan organisasi seperti ini diberkati.

16. Dengan ini, saya dengan lafaz 'Bismillahirrahmanirrahim' merasmikan Forum Bicara Eksekutif Merdeka: Tadbir Urus Terbaik dalam Sektor Awam.

Sekian.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.